

Penerbangan lebih murah

BA 28/7/03

MALAYSIA dan Thailand bersetuju mengadakan perkhidmatan penerbangan tambang murah antara kedua-dua negara bagi memudahkan perjalanan rakyat sambil mempromosikan sektor pelancong secara bersama.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya Thaksin Shinawatra bersetuju mengenai perkara itu dalam perbincangan mereka di The Andaman, di sini petang semalam.

Kementerian berkenaan di kedua-dua negara akan berbincang secara terperinci bagi menjayakan hasrat berkenaan.

“Perkhidmatan ini adalah seperti yang ditawarkan oleh AirAsia dan ia akan merangkumi destinasi antara kedua-dua negara.

“Thailand secara dasarnya memberi hak pendaratan. Jadi, penerbangan ke Phuket boleh juga ke Langkawi kerana kedua-dua negara turut bersetuju mengadakan promosi secara bersama dalam sektor pelancongan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan taklimat kepada pemberita mengenai

pertemuan empat mata Dr Mahathir dan Thaksin serta mesyuarat antara pegawai kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata, kedua-dua negara turut mengkaji mengadakan usaha sama dengan syarikat pembuat pesawat, IPTN dari Indonesia untuk mengeluarkan jet bagi meningkatkan komunikasi dan pengangkutan.

“IPTN memutuskan untuk menghentikan operasinya dan Malaysia rasa ia satu kerugian kerana ia mempunyai kepakaran teknologi.

“Pesawat CN235 mereka adalah pesawat yang baik dan mereka ada menawarkan kepada Malaysia dan Thailand. Malaysia sedang membuat kajian dan ia masih di peringkat awal. Jika kita setuju dengan usaha sama mengeluarkan pesawat di situ, kita juga berharap Thailand berbuat demikian,” katanya.

Syed Hamid berkata, selain itu Dr Mahathir dan Thaksin membincangkan usaha meningkatkan perdagangan, ekonomi selain pengeluaran visa bersama bagi memudahkan pergerakan pelancong.